



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
[PINDAAN 2019]**



GARIS PANDUAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH SENAT PADA MESYUARAT
BIL. 5/2019 [KALI KE-169] 28 MEI 2019 DAN LPU BIL. 4/2019 [KALI KE-90]
25 JULAI 2019

© **Universiti Malaysia Sabah, 2019**

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Muka taip teks:	Tahoma
Saiz taip teks dan <i>leading</i> :	9 – 14 poin/13.2 poin
Diterbitkan oleh:	Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS 88400 Kota Kinabalu, Sabah

Dicetak oleh:	Juaraxis Sdn. Bhd Lot 71, Block K, Lorong Plaza Utama, Alamesra, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
---------------	--

KANDUNGAN

BAHAGIAN		Muka surat
I	PENGENALAN	1
	1.1 Pentaksiran dan Penilaian Akademik	
	1.2 Skop	
	1.3 Definisi	
II	PANDUAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN	5
	2.1 Pengenalan	
	2.2 Komponen Penilaian	
	2.3 Wajaran Pengagihan Markah	
	2.4 Dokumen Lain yang Berkaitan	
III	PANDUAN PEMBINAAN SOALAN	12
	3.1 Taburan Soalan mengikut Kesukaran	
	3.2 Perancangan Peperiksaan	
	3.3 Bentuk Soalan	
	3.4 Panduan Membina Soalan	
	3.5 Pentadbiran Kertas Soalan Peperiksaan Akhir	
IV	PEMARKAHAN	15
	4.1 Pemarkahan untuk Komponen Penilaian	
	4.2 Skrip Jawapan Peperiksaan dan Ujian	
	4.3 Pemarkahan Kemahiran Insaniah	
	4.4 Pengiraan Skop Piawai	
	4.5 Bahan Rujukan	
V	LAMPIRAN	18
	Lampiran A: Borang Moderasi Kertas Soalan Peperiksaan	
	Lampiran B: Ciri-ciri Soalan Peperiksaan	

BAHAGIAN I

PENGENALAN

1.1 PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN AKADEMIK

Pentaksiran dan Penilaian Akademik merupakan salah satu elemen penting dalam pembelajaran dan pengajaran. Oleh hal yang demikian, Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian Akademik UMS ini disediakan untuk memberi panduan dan piawai umum tentang pentadbiran dan pengurusan pengujian, pentaksiran dan penilaian akademik di UMS.

Garis panduan ini merupakan edisi yang ditambah baik daripada **Garis Panduan Pentaksiran dan Penilaian Akademik UMS (2014)**. Ia bertujuan memastikan jaminan kualiti akademik UMS mengikut Amalan Jaminan Kualiti IPT dan juga ketetapan pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Dokumen ini dibaca bersama dengan **Kaedah Pengajian Prasiswazah UMS pindaan 2018, Manual Peperiksaan UMS** dan **Garis Panduan Amalan Terbaik Pentaksiran Pelajar, MQA**. Untuk program profesional iaitu Perubatan, Kejuruteraan, Kejururawatan, Perakaunan dan Kaunseling, dasar dan amalan pentaksiran dan penilaian perlu berpandukan kepada manual dan keperluan akreditasi badan profesional yang berkenaan.

1.2 SKOP


Garis Panduan ini diguna pakai untuk panduan kakitangan akademik di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Garis Panduan ini juga boleh dirujuk oleh pelajar prasiswazah UMS. Ia merangkumi urusan perancangan dan pelaksanaan dalam perkara-perkara berikut:

- i. pengagihan komponen penilaian
- ii. penggubalan soalan ujian dan peperiksaan
- iii. penggubalan tugas kerja kursus
- iv. peperiksaan dan pemarkahan

1.3 DEFINISI

- 1.3.1 **Hasil Pembelajaran**
Jangkaan apa yang pelajar tahu dan boleh buat setelah tamat mengikuti kursus pengajian mereka.
- 1.3.2 **Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)**
Dokumen yang menghuraikan rancangan ujian mengikut tajuk dan tahap kesukaran.
- 1.3.3 **Kesan Halo**
Kesan positif pada skor kerana tanggapan yang baik terhadap calon.
- 1.3.4 **Kesan Horn**
Kesan negatif pada skor kerana tanggapan yang buruk terhadap calon.
- 1.3.5 **Kuiz**
Soalan respons terhad yang digunakan untuk menguji pencapaian dan penguasaan dalam sebahagian daripada kursus.
- 1.3.6 **Latihan Ilmiah**
Latihan penulisan akademik yang berasaskan teori atau penghasilan produk.
- 1.3.7 **Latihan Industri**
Latihan amali yang dijalankan dalam industri dalam tempoh yang ditetapkan.
- 1.3.8 **Latihan Klinikal**
Latihan amali bagi Program Psikologi.
- 1.3.9 **Latihan Mengajar**
Latihan mengajar yang dijalankan di sekolah tempat latihan bagi Program Pendidikan.
- 1.3:10 **Open-book Examination**
Peperiksaan yang membenarkan calon-calon menggunakan bahan-bahan rujukan tertentu di dewan peperiksaan.

- 1.3.11 **Pemarkahan**
Proses memberi skor kepada jawapan atau hasil kerja kursus.
- 1.3.12 **Pengujian**
Proses mengumpul data menggunakan ujian sebagai instrumen.
- 1.3.13 **Penilaian**
Usaha membuat keputusan atau menyelesaikan masalah berdasarkan hasil pentaksiran.
- 1.3.14 **Penilaian Formatif**
Penilaian berterusan dalam tempoh kursus dijalankan.
- 1.3.15 **Penilaian Sumatif**
Penilaian yang dijalankan pada hujung semester atau hujung unit pembelajaran.
- 1.3.16 **Pentaksiran**
Usaha pengumpulan data yang sistematik untuk memberi kedudukan, tahap atau status kepada pencapaian pelajar, dengan tujuan untuk menghasilkan penambahbaikan dalam pembelajaran.
- 1.3.17 **Peperiksaan Akhir**
Peperiksaan formal yang dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan pada akhir setiap semester.
- 1.3.18 **Peperiksaan Tidak Formal**
Peperiksaan akhir yang dijalankan di luar tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa universiti.
- 1.3.19 **Skema Jawapan/Pemarkahan**
Panduan bagi pemeriksa untuk memberi markah kepada skrip jawapan.
- 1.3.20 **Soalan Aneka Pilihan/ *Multiple Choice Question* (MCQ)**
Soalan objektif yang melibatkan pokok soalan dengan pilihan jawapan yang terdiri daripada jawapan benar dan pengganggu.

- 
- 1.3.21 **Soalan Berstruktur**
Soalan subjektif yang memerlukan huraian jawapan yang pendek.
 - 1.3.22 **Soalan Esei**
Soalan subjektif yang memerlukan huraian jawapan yang terperinci.
 - 1.3.23 **Taksonomi Objektif Kognitif Bloom**
Taksonomi yang menghuraikan enam (6) tahap kesukaran dalam tugas kognitif mengikut Bloom.
 - 1.3.24 **Tugasan**
Satu bentuk penulisan atau aktiviti ilmiah yang melibatkan pentaksiran berdasarkan kursus yang diambil oleh pelajar.
 - 1.3.25 **Pentaksiran Berdasarkan Portfolio**
Pentaksiran yang melibatkan kompilasi karya atau hasil kerja pelajar.
 - 1.3.26 **Ujian**
Sesuatu instrumen pengukuran untuk menentukan pencapaian dan penguasaan sebahagian daripada kursus.
 - 1.3.27 **Ujian Persembahan Seni**
Ujian dalam bentuk persembahan untuk menilai tahap kecekapan/profisiensi dalam bidang Seni.
 - 1.3.28 **Ujian Pertengahan Semester**
Pentaksiran formatif dan/atau sumatif yang dijalankan antara minggu keenam (6) hingga ketujuh (7) dalam setiap semester.

BAHAGIAN II

PANDUAN PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN

2.1 PENGENALAN

Pentaksiran dan penilaian akademik mestilah berpandukan hasil pembelajaran setiap kursus, dan bagi program profesional, ia haruslah berpandukan keperluan badan akreditasi berkenaan.

Pentaksiran dan penilaian akademik boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan hendaklah berterusan. Bahagian ini menghuraikan komponen penilaian pentaksiran dan penilaian.

Aktiviti dan instrumen pentaksiran harus sejajar dengan hasil pembelajaran dan aktiviti pembelajaran dan pengajaran.

2.2 KOMPONEN PENILAIAN

Komponen penilaian merangkumi penilaian formatif dan sumatif (tidak termasuk program 3u1i/2u2i) seperti berikut:

2.2.1 Penilaian Formatif

Penilaian formatif ini melibatkan pentaksiran berterusan atau progresif untuk mengesan kekuatan dan kelemahan penguasaan pelajar dari segi kognitif, psikomotor dan afektif berdasarkan hasil pembelajaran setiap kursus. Ia boleh dilaksanakan sepanjang semester sebelum peperiksaan akhir. Antara aktiviti penilaian formatif adalah:

(a) Ujian/Kuiz

Penilaian ini melibatkan pentaksiran dan penghasilan maklum balas kepada pelajar dalam tempoh yang munasabah selepas pentaksiran dijalankan. Bentuk pentaksiran melibatkan soalan-soalan aneka pilihan, soalan objektif, soalan berstruktur, esei, pop kuiz dan lain-lain yang boleh dijalankan secara bertulis atau dalam talian.

(b) Kerja Lapangan

Penilaian ini melibatkan pentaksiran aktiviti dan pencapaian pelajar di luar bilik/dewan kuliah. Proses dan hasil kerja ditaksir melalui laporan bertulis, buku log, pembentangan pelajar dan lain-lain.

(c) Laporan Amali/ Klinikal

Penilaian ini melibatkan pentaksiran aktiviti dan pencapaian pelajar dalam makmal atau hospital. Proses dan hasil kerja ditaksir melalui laporan amali/klinikal dalam tempoh yang munasabah selepas tamat setiap aktiviti.

(d) Pembentangan Lisan

Penilaian ini melibatkan pentaksiran aktiviti dan pencapaian pelajar dalam kursus melalui pembentangan lisan.

(e) Ujian Lisan

Penilaian ini melibatkan pentaksiran aktiviti dan pencapaian pelajar dalam penguasaan bahasa.

(f) Penilaian Kecekapan Seni

Penilaian ini melibatkan pentaksiran prestasi dan gaya persembahan kesenian dalam persembahan, resital, atau karya. Peruntukan masa bagi pentaksiran yang berdasarkan persembahan seni adalah 10 hingga 20 minit bergantung kepada tahap kesukaran.

(g) Tugas

Penilaian ini melibatkan pentaksiran aktiviti dan pencapaian pelajar dalam kursus melalui penghasilan tugas. Proses dan hasil kerja ditaksir secara individu atau kumpulan. Pentaksiran dilaksanakan oleh pensyarah, rakan sebaya (*peers*) dan industri.

(h) Pentaksiran Berdasarkan Portfolio

Pentaksiran berdasarkan portfolio melibatkan temu duga atau pembentangan mengenai hasil kerja. Temu duga atau pembentangan dijalankan dalam masa 20 hingga 30 minit.

(i) Pentaksiran pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*Assessment of Service Learning*)

Pentaksiran yang melibatkan perkhidmatan kepada komuniti, contohnya e-komuniti.

2.2.2 Penilaian Sumatif

Penilaian ini melibatkan pentaksiran beberapa unit pembelajaran yang telah diajar dalam tempoh satu semester. Antara aktiviti penilaian sumatif yang digunakan adalah:

(a) Peperiksaan Akhir

Peperiksaan akhir mestilah selaras dengan hasil pembelajaran dan aras taksonomi sesuatu kursus. Bentuk peperiksaan akhir adalah peperiksaan berstruktur yang merangkumi soalan aneka pilihan, esei pendek dan esei panjang.

2.2.3 Gabungan Penilaian Formatif dan Sumatif

Penilaian ini melibatkan pentaksiran berterusan yang dijalankan untuk tujuan penambahbaikan dan penilaian pada peringkat akhir. Antara aktiviti penilaian ini adalah:

(a) Ujian Pertengahan Semester

Penilaian ini melibatkan pentaksiran pencapaian pelajar dalam kursus pada pertengahan semester. Antara bentuk penilaian ialah ujian sumatif, kuiz sumatif dan lain-lain. Pentaksiran ini harus dijalankan pada minggu keenam hingga minggu kelapan supaya bersifat formatif untuk memberi maklum balas kepada pelajar.

(b) Latihan Industri

Penilaian ini melibatkan pentaksiran proses dan pencapaian pelajar dalam kursus. Antara bentuk penilaian ialah:

- i. Buku log dan laporan latihan industri yang disediakan oleh pelajar dan ditaksir oleh penyelia akademik dan/atau seorang pensyarah lain yang dilantik oleh Dekan.
- ii. Pemerhatian dan/atau pentaksiran oleh penyelia akademik dan/atau pensyarah yang dilantik.
- iii. Pemerhatian dan laporan pencapaian pelajar oleh Penyelia Industri/Organisasi.
- iv. Pembentangan oleh pelajar (jika perlu).

(c) Latihan Mengajar

Penilaian ini melibatkan pentaksiran proses dan pencapaian pelajar dalam kursus. Antara bentuk penilaian ialah:

- i. Laporan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS) yang disediakan oleh pelajar dan ditaksir oleh penyelia akademik dan/atau seorang pensyarah lain yang dilantik oleh Dekan.
- ii. Pemerhatian dan pentaksiran oleh penyelia yang dilantik oleh Dekan.
- iii. Pemerhatian dan laporan pentaksiran praktikum pelajar oleh Guru Pembimbing.
- iv. Pentaksiran profesionalisme oleh Pengetua Sekolah.

(d) Latihan Ilmiah (secara teoretikal)

Penilaian ini melibatkan pentaksiran proses dan pencapaian pelajar menurut hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Antara bentuk penilaian ialah:

- i. Kertas Kerja Cadangan.
- ii. Laporan Latihan Ilmiah.
- iii. Pembentangan Kertas Kerja dan Laporan Disertasi.
- iv. Penilaian lain yang diperlukan dan ditetapkan oleh fakulti.

Penilaian kursus ini juga tertakluk kepada rubrik yang diguna pakai oleh Fakulti.

(e) Latihan Ilmiah (dengan aktiviti makmal)

Penilaian ini melibatkan pentaksiran proses dan pencapaian pelajar menurut hasil pembelajaran yang telah ditetapkan. Antara bentuk penilaian ialah:

Fasa I

- i. Pembentangan kertas cadangan (*proposal*) projek tahun akhir.
- ii. Laporan kertas cadangan.

Fasa II

- i. Disertasi.
- ii. Pembentangan akhir projek (*viva voce*/pameran poster/*hands-on*).

Penilaian kursus ini juga tertakluk kepada rubrik yang diguna pakai oleh sekolah.

2.3 WAJARAN PENGAGIHAN MARKAH

Wajaran pengagihan markah adalah bergantung kepada aktiviti-aktiviti pentaksiran yang dilaksanakan serta bersesuaian dengan sifat pembelajaran dan pengajaran kursus sama ada secara teori atau praktikal. Jadual wajaran pengagihan berikut adalah tertakluk kepada standard program;

Jadual 1 Wajaran Keseluruhan

Aktiviti Pengujian Secara Kerja Kursus	Maksimum Wajaran Pemarkahan
Tugasan	30%
Penilaian progresif (kemahiran)	10%
Kuiz	10%
Pembentangan	20%
Ujian Pertengahan Semester	30%
Laporan Amali	30%
Kerja Lapangan	30%
Peperiksaan Akhir	40%
Pentaksiran Rakan Sebaya (<i>Peer Assessment</i>)	10%

Jadual 2 Latihan Industri

Komponen	Wajaran Pemarkahan
Pentaksiran Penyelia Industri	20% hingga 30%
Pentaksiran Penyelia Akademik	20% hingga 40%
Laporan Latihan Industri Pelajar	30% hingga 40%
Tugasan dan/atau Pembentangan semasa/ selepas Latihan Industri	0% hingga 20%

Jadual 3 Latihan Mengajar

Komponen	Wajaran Pemarkahan
Pentaksiran Laporan Rancangan Orientasi Sekolah (ROS)	10% hingga 20%
Pentaksiran Penyelia Latihan Mengajar	30% hingga 50%
Pentaksiran di Sekolah tempat latihan	30% hingga 40%

Jadual 4 Latihan Ilmiah

Komponen	Wajaran Pemarkahan
Kertas Cadangan	20% hingga 30%
Laporan Latihan Ilmiah/Disertasi	30% hingga 70%
Pembentangan Kertas Cadangan	10% hingga 20%
Pembentangan Disertasi (<i>viva voce</i> / pameran/ <i>hands-on</i>)	10% hingga 50%
Lain-lain penilaian oleh fakulti	10% hingga 50%

Jadual 5 Pentaksiran Berasaskan Komuniti

Komponen	Wajaran Pemarkahan
Kertas Cadangan	10% hingga 20%
Pelaksanaan Aktiviti	30% hingga 50%
Laporan Akhir	20% hingga 30%
Penyelia Komuniti	10% hingga 20%
Penyelia Akademik	10% hingga 20%

2.4 DOKUMEN LAIN YANG BERKAITAN

Panduan pentaksiran dan penilaian juga dihuraikan dalam dokumen-dokumen berikut:

- Kaedah Pengajian Prasiswazah Universiti Malaysia Sabah pindaan 2018
- Manual Peperiksaan UMS
- Manual Kualiti MS-ISO UMS
- Garis Panduan Amalan Baik Pentaksiran Pelajar, MQA 2013

BAHAGIAN III

PANDUAN PEMBINAAN SOALAN

3.1 TABURAN SOALAN MENGIKUT KESUKARAN

Setiap kurikulum dibentuk dengan membenarkan pencapaian akademik ditaksir dan dinilai berdasarkan tahap kesukaran. Untuk tujuan ini, adalah dicadangkan kaedah Taksonomi Bloom diguna pakai. Bagi kursus-kursus Teras Universiti, Teras Disiplin, Pengkhususan, Elektif dan Minor, tahap kesukaran yang disyorkan adalah seperti yang dinyatakan di bawah.

Jadual 5 Panduan Taburan Soalan Berdasarkan Pecahan Tahap Kesukaran Kognitif Mengikut Tahun Pembelajaran

Tahun	Tahap Kesukaran Rendah (I-II) Mengingat & Memahami	Tahap Kesukaran Sederhana (III-IV) Mengaplikasi & Menganalisis	Tahap Kesukaran Tinggi (V-VI) Menilai & Mencipta
1	50% - 70%	30% - 50%	0% - 30%
2	10% - 40%	30% - 50%	10% - 30%
3	0% - 20%	30% - 60%	20% - 50%
4	0% - 10%	40% - 60%	30% - 60%

3.2 PERANCANGAN PEPERIKSAAN

a) Ujian Pertengahan Semester

Ujian pertengahan semester hendaklah dijalankan pada masa yang bersesuaian agar keputusannya dapat dimaklumkan kepada pelajar **selewat-lewatnya pada atau sebelum minggu kesembilan (9) semester.**

Masa maksimum untuk peperiksaan pertengahan semester adalah tiga (3) jam.

b) Peperiksaan Akhir

Masa maksimum untuk peperiksaan adalah tiga (3) jam.

3.3 BENTUK SOALAN

Bentuk soalan penilaian mesti berupaya mentaksir hasil pembelajaran yang dinyatakan untuk kursus tersebut. Panduan pembinaan soalan adalah seperti berikut:

- a) Soalan subjektif boleh berbentuk berstruktur, berbentuk esei dan/atau kajian kes.
- b) Soalan objektif boleh berbentuk beraneka pilihan (MCQ), betul/salah atau mengisikan ruang kosong.
- c) Untuk soalan subjektif dengan pilihan (Contoh: Pilih dua dari empat soalan), setiap soalan mesti mempunyai tahap kesukaran yang sama.
- d) Perancangan soalan peperiksaan hendaklah berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) (*test blueprint*) (Contoh: Bahagian I dalam Lampiran A) dengan memasukkan tajuk isi kandungan dan tahap kesukaran.

3.4 PANDUAN MEMBINA SOALAN

- a) **Soalan Aneka Pilihan (MCQ)**
 - i. Soalan Aneka Pilihan (MCQ) boleh digunakan untuk ujian pertengahan semester dan peperiksaan akhir. Tahap kesukaran dan skop soalan hendaklah selaras dengan JSU berdasarkan Taksonomi Bloom.
 - ii. Kursus teras universiti dan kursus teras fakulti dengan tahap kesukaran satu (1) hingga empat (4) Taksonomi Bloom dibenarkan menggunakan format MCQ sepenuhnya.
 - iii. Bagi kursus-kursus tahun dua hingga tahun empat, peruntukan markah soalan MCQ hendaklah tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) daripada jumlah markah kertas peperiksaan.
 - iv. Format pilihan jawapan MCQ hendaklah konsisten. Sebagai contoh, bilangan pilihan (sama ada empat atau lima) perlu konsisten untuk semua item.
 - v. Ciri-ciri soalan soalan jenis ini ditunjukkan dalam Lampiran B.

b) Soalan Subjektif

- i. Semua soalan pilihan dalam kumpulan yang sama mesti mempunyai tahap kesukaran yang sama mengikut Taksonomi Bloom.
- ii. Untuk soalan lisan, setiap calon hendaklah diperuntukkan 10 hingga 20 minit.
- iii. Tahap kesukaran untuk setiap soalan subjektif hendaklah berdasarkan JSU yang ditentukan.
- iv. Ciri-ciri soalan soalan jenis ini ditunjukkan dalam Lampiran B.

3.5 PENTADBIRAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

- i. Soalan dibina oleh pensyarah yang mengendalikan kursus. Skema permarkahan perlu juga disediakan bersama.
- ii. Semakan soalan mesti dilakukan di peringkat program terlebih dahulu. Semakan soalan harus melibatkan ahli panel maksimum tiga (3) orang. Semakan mesti merangkumi semakan terhadap kandungan dan aras kesukaran.
- iii. Sekiranya soalan dipilih daripada bank soalan, soalan yang dipilih dari bank soalan untuk membina kertas soalan peperiksaan yang baharu hendaklah tidak melebihi 30% jumlah soalan kertas peperiksaan terdahulu.
- iv. Soalan berkaitan dengan kerja makmal perlu berasaskan kerja makmal yang dilakukan oleh pelajar sendiri.
- v. Peruntukan markah bagi setiap soalan hendaklah dinyatakan selepas sub item soalan.

BAHAGIAN IV

PEMARKAHAN

4.1 PEMARKAHAN UNTUK KOMPONEN PENILAIAN

- i. Semua wajaran pengagihan markah perlu dijelaskan kepada pelajar seperti dalam jadual maklumat kursus (Table 4).
- ii. Semua pemarkahan harus dilaksanakan dengan sah, boleh percaya dan telus.
- iii. Pensyarah perlu memberikan arahan yang jelas secara bertulis kepada pelajar tentang keperluan tugas yang berkenaan.
- iv. Pensyarah perlu mengamalkan integriti dan etika yang tinggi dalam pemeriksaan skrip jawapan pelajar. Kesan halo dan kesan horn perlu diketepikan.
- v. Pensyarah perlu memberi maklum balas kepada pelajar berhubung tugas yang telah disemak dan diberi markah.
- vi. Markah setiap penilaian formatif perlu dimaklumkan kepada pelajar sebelum minggu ke-14.

4.2 SKRIP JAWAPAN PEPERIKSAAN DAN UJIAN

- i. Skrip jawapan peperiksaan akhir yang telah disemak perlu diserahkan kepada pejabat Kedekanan seperti yang ditetapkan dalam prosedur MS ISO (UMS/PK/9).
- ii. Proses pemarkahan perlu dimoderasikan terutama bagi skrip jawapan yang diperiksa oleh lebih daripada seorang pemeriksa.
- iii. Pemeriksa kedua daripada kalangan pensyarah dalam bidang yang sama perlu dilantik untuk membaca skrip jawapan pelajar secara persampelan rawak jika timbul keperluan untuk semakan semula.

4.3 PEMARKAHAN KEMAHIRAN INSANIAH

- i. Penilaian untuk kemahiran insaniah hendaklah mengguna pakai rubrik berdasarkan taksonomi pentaksiran seperti Taksonomi Kognitif Bloom, Taksonomi Psikomotor Simpson dan Taksonomi Afektif Krathwohl. Contoh rubrik yang disyorkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2016) boleh diubah suai sebagai panduan untuk penyediaan rubrik pengukuran.
- ii. Kriteria pemarkahan perlu disertakan untuk tugas yang diberi kepada pelajar.

4.4 PENGIRAAN SKOR PIAWAI

- i. Sekiranya taburan markah sesuatu kursus mendatangkan isu seperti peratus gagal atau cemerlang yang terlalu tinggi, jawatankuasa akademik peringkat fakulti atau pusat boleh memutuskan markah dikira semula menggunakan skor piawai.
- ii. Skor piawai (T) harus dikira menggunakan formula berikut:

Di mana:

$$T = 65 + \frac{10(x - y)}{s}$$

x = skor mentah

y = markah min untuk kursus

s = sisihan piawai

Dalam kes ini, min skor piawai ialah 65 dan sisihan piawai ialah 10. Nilai ini boleh diubah mengikut keperluan kursus atau Fakulti.

4.5 BAHAN RUJUKAN

Manual Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001: 2015 (UMS/ PK/08 dan UMS/PK/09).

Penilaian dan Pentaksiran Peperiksaan Program Perubatan, Fakulti Perubatan UMS.

Guidelines to Good Practices: Assessment of Students, Malaysia Qualifications Agency (MQA) (2013).

Program Standards for Medical and Health Sciences by Malaysian Qualification Agency Engineering Program Accreditation Manual (2012), Board of Engineers (BEM).

Guidelines on Standards and Criteria by Nursing Board Malaysia. Standard Program:

- i. Perakaunan (*Accounting*)
- ii. Seni Lukis dan Seni Reka (*Arts & Design*)
- iii. Bioteknologi (*Bioteknologi*)
- iv. Pengajian Perniagaan (*Business Studies*)
- v. Komputeran (*Computing*)
- vi. Multimedia Kreatif (*Creative Multimedia*)
- vii. Pendidikan Awal Kanak-kanak (*Early Childhood Education*)
- viii. Pendidikan (*Education*)
- ix. Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan (*Engineering and Engineering Technology*)
- x. Kewangan (*Finance*)
- xi. Hospitaliti dan Pelancongan (*Hospitality & Tourism*)
- xii. Sains Maklumat (*Information Science*)
- xiii. Pengajian Islam (*Islamic Studies*)
- xiv. Pengajian Media dan Komunikasi (*Media & Communication Studies*)
- xv. Sains Perubatan dan Kesihatan (*Medical and Health Sciences*)
- xvi. Muamalat dan Kewangan Islam (*Muamalat and Islamic Finance*)
- xvii. Seni Persembahan (*Performing Arts*)
- xviii. Psikologi (*Psychology*)
- xix. Bahasa

LAMPIRAN A



BORANG MODERASI KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN SEM 2 SESI 2018/2019 TARIKH:

Kursus: Kod/Nama	Moderator 1
Nama Pensyarah	Moderator 2

Senarai Semak untuk Kertas Soalan		Ya	Tidak	Mukasurat hadapan		Ya	Tidak
Kod kursus dicetak di sebelah kanan atas muka surat (jenis fon 'Bold Tahoma' size 11)				Muka hadapan mengikut format standard UMS			
Nombor halaman dicetak di tengah bawah muka surat (jenis fon 'Bold Tahoma' size 11)				Tarikh, Tempoh, Nama Kursus, Kod Kursus adalah betul			
Gambar Rajah dan jadual dilabel dan dinombor dengan betul (Bolded)				Jumlah muka surat dan Arahan pada muka surat hadapan adalah betul			
Pengagihan markah untuk setiap soalan ditunjukkan dan boleh diterima							
Jumlah markah (setiap soalan) dan keseluruhan markah keseluruhan adalah betul				Senarai Semak untuk Kertas Jawapan	Ya	Tidak	
Tiada ralat menaja yang dikenal pasti				Skema jawapan memberikan jawapan penuh kepada setiap soalan			
Setiap lampiran (jika ada) dirujuk sewajarnya				Skema jawapan menunjukkan pembahagian markah			

Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)
1	
2	
3	

BAHAGIAN 1:

Taksonomi Pengajaran dan Pembelajaran: Untuk Moderator, sila gunakan 1) Domain pembelajaran yang sesuai dipetakan dengan tepat 2) Markah diberikan dengan sewajarnya untuk tahap domain yang disasarkan 3) Topik yang diliputi dapat dipetakan dengan tepat ke hasil kursus.

TOPIK/ BAB YANG DILIPUTI	PEMETAAN HASIL PEMBELAJARAN KURSUS	TAHAP DOMAIN PEMBELAJARAN (TAKSONOMI BLOOM)						Moderator 1 Tandakan (√) (X)			Moderator 2 Tandakan (√) (X)			
		1	2	3	4	5	6	1	2	3	1	2	3	
Financial assets				1(a,b,c,d)(25)										
Financial liabilities		2(a)(i)(5)		2(a)(ii)(5)										
Investment Property		3(a)(5)		3(b)(14)										
Deferred tax			3(c)(8)											
Leases		4(a)(i)(2)		4(a)(ii)(5)										
Intangible assets			4(b)(i)(6)	4(b)(ii)(5)										
	JUMLAH MARKAH	7	19	74										

Catatan:

Garis panduan Taksonomi Pengajaran Dan Pembelajaran

Domain Kognitif (C) melibatkan pengetahuan dan perkembangan kemahiran intelektual.

Tahap	kemampuan
C1	Mengingati: mengingat semula data atau maklumat. Kata Kunci: Tentukan, Huraikan, Kenal pasti, Senaraikan, Cari, Label, Rekod, Pilih
C2	Memahami: Memahami makna, terjemahan, interpolasi, dan tafsiran arahan dan masalah. Nyatakan masalah dalam kata-kata sendiri. Kata Kunci: Jelaskan, Ringkaskan, Bandingkan, Kaitkan, Ramalkan, Bezakan, Generalisasi, Ilustrasi, Padanan, Tukar, Transform
C3	Mengaplikasikan: Gunakan konsep dalam situasi baru atau penggunaan abstraks yang tidak dapat dijelaskan. Mengaplikasikan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah ke dalam situasi baru di tempat kerja. Kata Kunci: Selesaikan, Mengaplikasi, Pilih, Ubah, Kelaskan, Menunjukkan, Membina, Demonstrasi, Ilustrasi, Tukar
C4	Menganalisis: Memisahkan bahan atau konsep menjadi beberapa bahagian komponen supaya struktur organisasinya dapat difahami. Membezakan antara fakta dan kesimpulan. Kata Kunci: Analisis, Ukur, Kelaskan, Bezakan, Bandingkan, Kategorikan, Asingkan
C5	Menilai: Membuat pertimbangan mengenai nilai idea atau bahan. Kata Kunci: Syorkan, Simpulkan, Kritik, Sokong, Nilai, Putuskan, Memberi kadar, Ringkaskan, Pilih
C6	Mencipta: Membina struktur atau corak dari pelbagai elemen. Meletakkan beberapa bahagian bersama untuk membentuk keseluruhan, dengan penekanan untuk mewujudkan maksud atau struktur baharu. Kata Kunci: Mencipta, Menqarang, Membangun, Merangka, Menghasilkan, Memformulasikan, Menyemak, Meramal, Mengorganisasi, Mengatur, Mencipta, Menggabungkan

LAMPIRAN A

BAHAGIAN 2 (A):

BIL	MODERATOR 1	
1.	Komen:	Pembetulan / Pindaan sekiranya ada:

Tandatangan Moderator (1)

Tarikh:

BAHAGIAN 2(B)

BIL	MODERATOR 2	
1.	Komen:	Pembetulan / Pindaan sekiranya ada:

Tandatangan Moderator (2)

Tarikh:

LAMPIRAN A

BAHAGIAN 2 (C)

BIL	PENSYARAH
1.	Pindaan yang telah dibuat (Nyatakan pembedulan atau pindaan yang dibuat oleh pensyarah berdasarkan cadangan daripada moderator)

Tandatangan Pensyarah

Tarikh:

BAHAGIAN 3

BIL	KETUA PROGRAM
1.	Pengesahan (Mengesahkan jika pembedulan atau pindaan telah dibuat oleh pensyarah)

Disahkan Oleh:

Ketua Program

Tarikh:

LAMPIRAN B

CIRI-CIRI SOALAN PEPERIKSAAN

Ujian Pertengahan Semester	Peperiksaan Akhir
<p>Soalan Aneka Pilihan (MCQ)</p> <p>a) Bilangan soalan yang disyorkan: 10 — 30</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: Untuk soalan yang melibatkan kemahiran pemikiran yang lebih rendah, satu soalan mengambil masa selama 1 — 2 minit. Untuk soalan yang melibatkan kemahiran pemikiran yang tinggi, satu soalan mengambil masa selama 2 — 4 minit</p> <p>c) Tempoh maksimum masa peperiksaan: 1 jam</p>	<p>Soalan Aneka Pilihan (MCQ)</p> <p>a) Bilangan soalan yang disyorkan: 60 — 120</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: Untuk soalan yang melibatkan kemahiran pemikiran yang lebih rendah, satu soalan mengambil masa selama 1 — 2 minit. Untuk soalan yang melibatkan kemahiran pemikiran yang tinggi, satu soalan mengambil masa selama 2 — 4 minit</p> <p>c) Tempoh masa peperiksaan: 2 — 3 jam</p>
<p>Soalan berstruktur</p> <p>a) Bilangan soalan yang disyorkan: 2 — 4 soalan contohnya: 1 soalan mempunyai 4 item</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: 2 — 5 minit untuk setiap item</p> <p>c) Tempoh masa peperiksaan: 1 jam</p>	<p>Soalan berstruktur</p> <p>a) Bilangan soalan yang disyorkan: 3 — 5 soalan contohnya: 1 soalan mempunyai 4 item</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: 2 — 5 minit untuk setiap item</p> <p>c) Tempoh masa peperiksaan: 2 — 3 jam</p>
<p>Soalan Esei</p> <p>a) Bilangan soalan yang disyorkan: 1 — 2 soalan</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: 15 — 60 minit untuk setiap soalan</p> <p>c) Tempoh masa peperiksaan: 1 — 2 jam</p>	<p>Soalan Esei</p> <p>a) Bilangan soalan yang perlu dijawab : 2 — 4 soalan</p> <p>b) Tempoh untuk menjawab: 30 — 45 minit untuk setiap soalan</p> <p>c) Tempoh masa peperiksaan: 2 — 3 jam</p>

